



**PERAKUAN PENDAFTARAN
PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL**

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil

8 dan 9(1)

KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD

telah didaftarkan di bawah

subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini

dua puluh lima haribulan Jun tahun dua ribu sembilan belas.

(DATUK NORDIN BIN SALLEH)

*Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia*

(ZAINAL ABDIN BIN AB MANAF)

*Setiausaha
Suruhanjaya Koperasi Malaysia*

No. Daftar: KOOP. NEGARA NO. 48

Ruj: SKM.IP(PEND)W-119/(20)



Bil. Koop. IP. 5364/L.



Bil. Daftar. KOOP.
NEGARA NO. 48.

Perakuan Pendaftaran

BAGI

KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD

RENGKASNYA: KOMFIS.

SHA'AYA BASHEER BIN MOHD. BASHEER,
Saya,
Ketua Pendaftar Koperasi, Malaysia, dengan ini memperakui di
bawah seksyen 9 Ordinan Koperasi 1948, bahawa.....
KOPERASI
MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD RENGKASNYA: KOMFIS
adalah didaftarkan pada hari ini di bawah Ordinan Koperasi
bilangan 33 tahun 1948.

Undang-undang Kecil Koperasi tersebut adalah juga didaftarkan
pada hari ini.

Diperbuat dengan perintah dan dimeterikan dengan mohor Ketua
Pendaftar pada hari ini.....
DUA PULUH TUJUH
haribulan.....
APRIL....., tahun seribu sembilan ratus
PULUH SATU.



(SHA'AYA BASHEER BIN MOHD. BASHEER)
Ketua Pendaftar Koperasi,
Malaysia



KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD

**UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI
[Pindaan 2019]**

Tarikh Daftar

27 APRIL 1981

Nombor Daftar

198171400116

Tarikh Kkuatkuasa : 03 Januari 2023



**UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Undang-undang kecil

1. Tajuk dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

4. Nama.
5. Alamat.
6. Kawasan operasi.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

7. Matlamat.
8. Fungsi.
9. Aktiviti.

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN

10. Anggota.
11. Kelayakan menjadi anggota.
12. Permohonan menjadi anggota.
13. Fi masuk.
14. Ikrar anggota.
15. Penerimaan menjadi anggota.
16. Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota.
17. Pemberian Undang-undang Kecil.
18. Wasi.
19. Liabiliti anggota.
20. Hilang kelayakan sebagai anggota.
21. Terhenti menjadi anggota.
22. Menarik diri.
23. Pengantungan dan pembuangan anggota.
24. Penyelesaian wang anggota.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

25. Mesyuarat agung perwakilan.
26. Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan.
27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan.
28. Mesyuarat agung perwakilan khas.
29. Notis mesyuarat agung perwakilan.
30. Kuorum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.
31. Undi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.
32. Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan tahunan.
- 32A. Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas.
33. Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.
34. Pengerusi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.
35. Lembaga Koperasi.
36. Kelayakan menjadi anggota Lembaga.
37. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga.
38. Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga.
39. Penamatan pelantikan anggota Lembaga.
40. Mesyuarat Lembaga.
41. Kuorum mesyuarat Lembaga.
42. Urusan mesyuarat Lembaga.
43. Undi anggota Lembaga.
44. Buku minit mesyuarat Lembaga.
45. Kuasa dan kewajipan Lembaga.
46. Liabiliti anggota Lembaga.
47. Tugas pengerusi, timbalan pengerusi dan naib pengerusi.
48. Tugas setiausaha dan penolong setiausaha.
49. Tugas bendahari.
50. Jawatankuasa Audit Dalaman.
51. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman.
52. Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 52A. Penamatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
53. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VI

HARTA DAN WANG KOPERASI

54. Wang dan kumpulan wang Koperasi.
55. Modal syer.
- 55A. Yuran.

56. Simpanan khas, deposit atau pinjaman.
57. Pindahan syer.
58. Penyelesaian modal syer.
59. Keuntungan modal.
60. Kumpulan Wang Rizab Statutori.
61. Simpanan khas.
62. Pinjaman luar dan deposit.
63. Pelaburan wang.
64. Pemberian pinjaman oleh Koperasi.
65. Pengagihan untung bersih teraudit.
66. Dividen dan potongan langganan.

BAHAGIAN VII
AKAUN DAN AUDIT

67. Tahun kewangan.
68. Penyenggaraan akaun.
69. Resit dan baucar.
70. Pelantikan dan kewajipan juruaudit.
71. Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit.
72. Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada perwakilan.

BAHAGIAN VIII
PELBAGAI

73. Akaun bank.
74. Mohor Koperasi.
75. Pertukaran alamat anggota.
76. Penyediaan dokumen untuk diperiksa.
77. Penyerahan tugas.
78. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi.
79. Pelantikan Yang Dipertua.
80. Pertikaian.
81. Pemeliharaan kerahsiaan.
82. Pembubaran.
83. Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil.
84. Undang-Undang Kecil hendaklah mengikat anggota.

UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil **Koperasi Muslimin Malaysia Berhad**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya meng-hendaki makna yang lain —

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**Arahan**” ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**Aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung perwakilan;

“**Dividen**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar modal syer dan yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Elaun**” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

“**Garis Panduan**” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**Honorarium**” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit Koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazim

-nya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Kawasan Operasi” ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya;

“Kesalahan Boleh Daftar” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“Kesalahan Jenayah Syariah” ertinya seseorang yang disabitkan bersalah oleh Mahkamah Syariah;

“Koperasi” atau **“Koperasi ini”** ertinya **Koperasi Muslimin Malaysia Berhad**;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Lajnah Syariah” (**لجنة شريعة**) ertinya Jawatankuasa Pemandu Koperasi mengenai hukum-hukum syarak;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Mutlaq Tasarruf” (**مطلق تصرف**) ertinya keadaan seseorang mukallaf yang ke atasnya tidak disekat dari menguruskan harta mengikut syarak;

“Pegawai” berhubung dengan Koperasi ertinya seorang pengerusi, timbalan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberikan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Pelantikan” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Pembiayaan Islam” ertinya pemberian apa-apa kemudahan kredit dan

lain-lain urusanniaga atau transaksi mengikut syariah yang diluluskan oleh Lajnah Syariah Koperasi ini dan Majlis Penasihat Syariah;

“Pengerusi Eksekutif” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Perwakilan” ertinya wakil anggota individu yang dipilih di mesyuarat peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Potongan Langganan” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperolehi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Prinsip Koperasi” termasuklah —

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusanniaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Sabitan” termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Simpanan Khas” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan

wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Suruhanjaya**” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Syer**” ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Undang-undang Kecil**” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993; dan

“**Tarbiah**” ertinya proses pendidikan dan latihan yang tidak bercanggah dengan syarak;

“**Ulama**” (علماء) ertinya anggota-anggota Koperasi yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang agama Islam, Bahasa Arab dan berupaya memahami Al-Quran, Al-Hadith Nabi S.A.W., kitab-kitab turath dan isu semasa sehingga mampu mengeluarkan hukum-hukum yang berkaitan;

“**Wang Berlebihan**” ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

“**Yuran**” ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.
- (2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.
- (3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad.

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah 17-3-1, Tingkat 3, Blok A, Jalan 2/50, Bangunan Diamond Square Commercial Centre, Off Jalan Gombak, Peti Surat 11459, 50746 Kuala Lumpur.
- (2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan Operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Malaysia

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. (1) Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.
- (2) Bagi mencapai matlamat menurut fasal (1) semua kegiatan koperasi hendaklah berlandaskan syariat Islam.

Fungsi

8. Fungsi Koperasi ini ialah Perkhidmatan.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khususnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan:-

(a) Menjalankan aktiviti berikut:

(i) menjalankan aktiviti perkhidmatan seperti perniagaan Perkhidmatan kesihatan, menubuhkan pusat perniagaan, pusat perubatan dan hospital, industri pelancongan, perhotelan, wakil insuran serta lain-lain industri perkhidmatan yang berkaitan;

(ii) menyediakan kemudahan untuk anggota - anggota menyimpan wang, memberi pembiayaan kepada mereka seperti perumahan, pembiayaan pelajaran. Pembiayaan perniagaan kecil dan lain - lain pembiayaan dan menerima skim khas bagi tujuan skim pelajaran, skim persaraan, skim membeli tanah rumah, skim perubatan dan lain-lain skim;

(iii) menjalankan aktiviti memajukan projek perumahan dan juga membangunkan kedai - kedai, kilang - kilang dan bangunan - bangunan lain yang berasas industri dan komersial;

(iv) menjalankan aktiviti perladangan, pertanian dan penternakan dan lain - lain yang berkaitan;

(v) Menjalankan aktiviti pengguna seperti percetakan, membuka restoran, perniagaan makan ringan, mengurus stesen minyak, menjadi pemborong, menguruskan pasaraya dan aktiviti import dan eksport;

(vi) Menjalankan aktiviti membangun dan memasarkan perisian komputer;

(v) bekerjasama dan bantu-membantu bersama Persatuan Ulama' Malaysia (PUM), Yayasan Muslimin Malaysia (YMMB), Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta, Badan - Badan Agama dan Kebajikan yang diluluskan oleh Lembaga dalam hal pendidikan dan

- muamalat Islam; dan
 - (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
 - (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
 - (d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
 - (e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengankelulusan Suruhanjaya; dan
 - (f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.
- (2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan —
 - (a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pembiayaan Islam atau simpanan khas daripada anggota; dan
 - (b) deposit atau pembiayaan Islam daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan Peraturan.
- (3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hariselepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.
- (4) Bagi maksud perenggan 50(e) Akta, sesuatu Koperasi hendaklah —
 - (a) menyatakan dalam undang-undang kecilnya, aktiviti yang berhubungan dengan deposit atau pembiayaan Islam daripada anggota atau bukan anggota;
 - (b) menyatakan terma dan syarat bagi setiap aktiviti dalam aturan yang berasingan;
 - (c) membentangkan aturan itu dalam mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan
 - (d) mengemukakan aturan itu kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan. Walau apapun Suruhanjaya boleh mengarahkan supaya aturan dipinda, jika perlu, demi kepentingan koperasi.
- (5) Walau apapun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan Menjadi Anggota

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada orang-orang melayu dan beragama islam kecuali pekerja koperasi.
- (2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah —
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
 - (c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
 - (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar atau kesalahan jenayah syariah, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

Permohonan Menjadi Anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

Fi Masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM 10.00 (Ringgit: sepuluh). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan ke pada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.
- (2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM 20.00 (Ringgit: dua puluh).
- (3) Penama atau wakil yang sah kepada anggota yang mati jika memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.

- (4) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Ikrar Anggota

14. (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah menandatangani suatu ikrar bahawa dia —
- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
 - (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar;
 - (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan jenayah syariah; dan
 - (e) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.
- (2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.
- (3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agung perwakilan permulaan Koperasi ini, dikehendaki menandatangani ikrar menurut fasal (1) dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi. Kegagalan menandatangani ikrar tersebut boleh menyebabkan dia disingkir.

Penerimaan Menjadi Anggota

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

Perolehan Hak, Kewajipan Dan Liabiliti Anggota

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM 500.00 (Ringgit: lima ratus) syer boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Pemberian Undang-Undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran.

Wasi

18. (1) Tiap-tiap anggota hendaklah menamakan seorang wasi dari kalangan waris-waris terdekat yang mutlaq tasarruf untuk menerima setelah dia mati wang-wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris-waris yang berhak mengikut hukum Islam dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan-perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.
- (2) Penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi.
- (3) Tertakluk kepada Undang-undang Kecil 11, seorang wasi bolehlah diterima menjadi anggota dan penama atau wasi yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.

Liabiliti Anggota

19. (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.
- (2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.
- (3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggung bagi hutang Koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.
- (4) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer dan yuran dalam Koperasi ini.

Hilang Kelayakan Sebagai Anggota

20. Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia —
 - (a) tidak upaya dari segi mental;
 - (b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - (c) seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar atau kesalahan jenayah syariah;

- (d) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta ini dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu; atau
- (e) tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi.

Terhenti Menjadi Anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:
- (a) mati;
 - (b) menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau
 - (c) dibuang menurut undang-undang kecil 23.
 - (d) gagal menjelaskan syer minimum menurut undang-undang kecil 55; atau
 - (e) gagal menjelaskan yuran menurut undang-undang kecil 55A dua belas bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga.

Menarik Diri

22. (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis dua belas bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.
- (2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.
- (3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan Dan Pembuangan Anggota

23. (1) Lembaga boleh menggantung keanggotaan seseorang anggota jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak mengikut suatu cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi jika didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:
- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
 - (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
 - (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;

- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
 - (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.
- (2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan mana-mana anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya. Anggota berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menyatakan sebab secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh surat diterima mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.
- (3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai fungsi pertama mesyuarat, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.
- (4) Keputusan mengesahkan penggantungan dan membuang atau mengeneipkan penggantungan keanggotaan itu boleh dibuat oleh mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga dari pada perwakilan yang hadir —
- (a) selepas mendengar penjelasan daripada anggota berkenaan sekiranya anggota berkenaan hadir; atau
 - (b) selepas menimbang fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya anggota tersebut tidak hadir.
- (5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung perwakilan.

Penyelesaian Wang Anggota

24. (1) Jika seseorang anggota berhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah —

- (a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
 - (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
 - (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik;
 - (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan
 - (e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, dikembalikan kepadanya dengan sewajarnya.
- (2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun audit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 57 dan 58.

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat Agung Perwakilan

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak pada mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 36 Akta, yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.
- (2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

Pemilihan Perwakilan Dan Urusan Mesyuarat Agung Kawasan

26. (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima puluh orang anggota.
- (2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:
- (a) bagi tiap-tiap dua puluh orang anggota, seorang perwakilan;
 - (b) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi tujuh orang.
- (3) Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah —
- (a) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;
 - (b) diberi kepada anggota yang layak dan tinggal dalam sesuatu kawasan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu; dan
 - (c) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.
- (4) Hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 16 pada enam bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.
- (5) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota atau sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.
- (6) Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam kawasan yang berkenaan atau sepuluh orang mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.

- (7) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan menurut fasal (3). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki di bawah fasal (6), maka perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak perwakilan kawasan itu.
- (8) Anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butiran mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan setiausaha mesyuarat yang dipilih oleh anggota dan hendaklah dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.
- (9) Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung kawasan.
- (10) Seseorang anggota Lembaga hendaklah –
- (a) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
 - (b) menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
 - (c) menjadi perwakilan sehingga mesyuarat agung kawasan terdekat.
- (11) Menurut Peraturan, mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua tahun sekali iaitu selewat-lewatnya satu bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah menimbangkan perkara-perkara berikut –
- (a) akaun teraudit koperasi, jika tiada, draf akaun;
 - (b) belanjawan tahunan untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
 - (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi; jika ada;
 - (d) melantik perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi; dan
 - (e) usul daripada Lembaga dan anggota, jika ada, untuk dikemukakan kepada Koperasi selewat-lewatnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

28. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas menurut subseksyen 40(1) Akta.
- (2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung perwakilan khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung perwakilan yang dipanggil menurut Akta atau Undang-undang Kecil ini.

Notis Mesyuarat Agung Perwakilan

29. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.
- (2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan fungsi mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan —
- (a) akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada yang teraudit;
 - (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
 - (c) laporan Lembaga;
 - (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
 - (e) dokumen lain yang berkaitan.
- (3) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.
- (4) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat tentang

tarikh, masa, tempat dan fungsi mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

Kuorum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

30. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas bagi apa-apa maksud adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan.
- (2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas kerana meminda undang-undang Kecil ini, hendaklah dua pertiga dari jumlah perwakilan, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya menurut Peraturan.
- (3) Bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) undang-undang kecil 28 yang ditunda —
- (a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga atau dua puluh perwakilan mana yang lebih; dan
 - (b) keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir dan layak mengundi menurut Akta dan Peraturan.

Undi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

31. (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil dan pembuangan anggota di bawah fasal (4) undang-undang kecil 23 hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.
- (2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah. Perwakilan yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.
- (3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Pembatalan Dan Penangguhan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

32. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan itu, bilangan

yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung perwakilan tahunan itu bolehlah dibatalkan dan hendaklah dipanggil semula oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat agung perwakilan yang dibatalkan dengan membincangkan fungsi mesyuarat yang sama.

- (2) Mesyuarat agung perwakilan tahunan boleh ditangguhkan dengan persetujuan mesyuarat —
 - (a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang asal;
 - (b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan
 - (c) bagi menjalankan urusan mesyuarat yang asal.
- (3) Notis tidak perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Pembatalan Dan Tundaan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

- 32A. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas itu bilangan perwakilan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung perwakilan itu —
- (a) dibatalkan, jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi perwakilan; atau
 - (b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.
- (2) Bagi mesyuarat yang ditunda menurut perenggan (b) fasal (1) —
- (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan
 - (b) notis penundaan hendaklah disampaikan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda.
- (3) Perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung perwakilan yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) undang-undang kecil 29 hendaklah diberi kepada tiap-tiap perwakilan bagi mesyuarat tertunda itu.

Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

33. (1) Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;

- (b) menimbang laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan laporan juruaudit;
- (d) memilih anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (f) membentangkan laporan berkenaan dengan penerimaan deposit dan pembiayaan Islam daripada anggota dan bukan anggota;
- (g) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (h) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan seorang pegawai Suruhanjaya untuk mengaudit akaun Koperasi;
- (i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi;
- (j) menimbang dan meluluskan surat cara deposit atau pembiayaan Islam;
- (k) menentukan had maksimum keterhutangan;
- (l) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam perwakilan dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (m) mengisytihar atau menerbitkan syer bonus, jika ada;
- (n) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau urusan perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
- (o) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
- (p) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Koperasi ini, yang dikemukakan oleh mana-mana anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga; dan
- (q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada.

- (2) Walau apapun fasal (1), fungsi di dalam perenggan (g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p) dan (q) bolehlah diputuskan dalam mesyuarat agung perwakilan khas di bawah subseksyen
- (3) Walau apapun fasal (1), mesyuarat agung perwakilan khas yang diadakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh menjalankan kesemua atau mana-mana fungsi di bawah fasal (1).

Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

34. (1) Mesyuarat hendaklah memilih mana-mana perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.
- (2) Walau apapun fasal (1), mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh dipengerusikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya.

Lembaga Koperasi

35. Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi dua belas orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33.

Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga

36. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia —
 - (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
 - (b) telah disabit atas suatu kesalahan jenayah syariah;
 - (c) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
 - (d) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalam bagi Koperasi ini;
 - (e) ada percanggahan kepentingan dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau
 - (f) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun.
- (2) Walau apapun fasal (3) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wasi yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

Tempoh Memegang Jawatan Anggota Lembaga

37. (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.
- (2) Aturan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.
- (3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).
- (4) Sekiranya mesyuarat agung perwakilan tahunan tidak diadakan maka penggiliran pengosongan jawatan tetap berlaku. Pengguguran akan berlaku pada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdekat diadakan.
- (5) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana perwakilan yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

Lucut Dan Penggantungan Jawatan Anggota Lembaga

38. (1) Seseorang anggota Lembaga hendaklah lucut jawatannya dengan sendiri berkuat kuasa serta-merta jika dia —
- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
 - (b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
 - (c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau
 - (d) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20.
- (2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika —

- (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota Lembaga itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau
 - (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan.
- (3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah —
- (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;
 - (b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan; dan
 - (c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung itu.
- (4) Anggota Lembaga yang dikenakan tindakan penggantungan itu hendaklah —
- (a) dihentikan semua hak atau fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu; dan
 - (b) dihentikan semua saraan yang diterima semasa memegang jawatan.
- (5) Keputusan mengesahkan pemecatan atau mengetepikan penggantungan jawatan anggota Lembaga itu hendaklah dibuat oleh mesyuarat agung perwakilan dengan undi majoriti perwakilan yang hadir —
- (a) selepas mendengar penjelasan daripada anggota Lembaga itu sekiranya dia hadir; atau
 - (b) selepas mendengar dan menimbang fakta per-tuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya dia tidak hadir.
- (6) Jika mesyuarat agung perwakilan mengesahkan penggantungan menurut fasal (5), dia hendaklah dipecat jawatannya dengan serta merta.
- (7) Jika mesyuarat agung perwakilan mengetepikan penggantungan-nya maka semua saraan yang sepatutnya diterima boleh dibayar kepadanya.

Penamatan Pelantikan Anggota Lembaga

39. (1) Walau apapun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 37, mesyuarat agung perwakilan mempunyai kuasa menurut Peraturan —
- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga pada bila-bila masa; dan
 - (b) memilih gantinya dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan itu diadakan.
- (2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota lembaga yang terbabit.
- (3) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

Mesyuarat Lembaga

40. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah —
- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, timbalan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan bendahari;
 - (c) melantik seorang penolong setiausaha, jika perlu; dan
 - (d) memutuskan apa-apa perkara yang difikirkan wajar dan patut oleh Lembaga.
- (2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua bulan.
- (3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya —
- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
 - (b) empat orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara yang hendak dibincangkan.
- (4) Keputusan mesyuarat Lembaga adalah sah walaupun —
- (a) ketidakhadiran mana-mana anggota Lembaga;
 - (b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana anggota Lembaga atau pembentukan Lembaga;

- (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
 - (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga.
- (5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat —
- (a) untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;
 - (b) tetapi orang tersebut tidak boleh mengundi; dan
 - (c) orang itu boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- (6) Semasa ketiadaan pengerusi;
- (a) timbalan pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat; dan
 - (b) semasa ketiadaan timbalan pengerusi, naib pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat; dan
 - (c) Semasa ketiadaan naib pengerusi, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir boleh dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

Kuorum Mesyuarat Lembaga

41. Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 35.

Urusan Mesyuarat Lembaga

42. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
 - (b) membincangkan perkara berbangkit;
 - (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara berikut:
 - (i) keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan;
 - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) laporan pengurusan;
 - (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;
 - (v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota;
 - (vi) permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
 - (vii) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pembiayaan Islam; dan
 - (viii) permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer dan yuran.

- (d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
- (e) mengkaji dan membincangkan projek Koperasi yang sedia ada dan subsidiari, jika ada;
- (f) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek baru Koperasi;
- (g) mengkaji, membincang dan memutuskan —
 - (i) hal-hal perjawatan;
 - (ii) program latihan pekerja; dan
 - (iii) program pendidikan anggota.
- (h) melantik Jawatankuasa Audit Dalam di kalangan anggota menurut undang-undang kecil 50; dan
- (i) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari.

Undi Anggota Lembaga

43. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.
- (2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu tidak diterima.
- (3) Seseorang anggota Lembaga yang ada percanggahan kepentingan dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau percanggahan kepentingannya dalam perkara itu dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara itu.

Buku Minit Mesyuarat Lembaga

44. (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah —
- (a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
 - (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
 - (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.
- (2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.
- (3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan —
- (a) kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(c) Akta; dan
 - (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa Dan Kewajipan Lembaga

45. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.
- (2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:
- (a) melantik seorang pengerusi, timbalan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha jika perlu dan bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 40;
 - (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
 - (i) nama;
 - (ii) alamat kediaman;
 - (iii) nombor kad pengenalan;
 - (iv) tarikh keanggotaan;
 - (v) pekerjaan; dan
 - (vi) jawatan dalam Koperasi,dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan mengenai butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
 - (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
 - (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
 - (e) melantik —
 - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau
 - (ii) sebuah firma,bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;
 - (f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;
 - (g) menyenggara akaun bagi harta dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul;
 - (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang

- (i) disenggara, diuruskan dengan sempurna dan kemaskini; membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan —
- (i) akaun perdagangan;
 - (ii) akaun untung rugi;
 - (iii) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
 - (iv) kunci kira-kira;
 - (v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3) Akta;
 - (vi) laporan juruaudit; dan
 - (vii) pandangan Suruhanjaya mengenai akaun dan kunci kira-kira, jika ada, bagi Koperasi dan subsidiari;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi, jika ada kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) membentang laporan Jawatankuasa Audit Dalam dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (m) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
- (n) memanggil mesyuarat agung perwakilan menurut Undang-undang Kecil;
- (o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pembiayaan Islam tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
- (p) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
- (q) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
- (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
- (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;

- (t) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk —
 - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
 - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
- (u) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
- (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
- (w) menubuhkan jawatankuasa termaksud Lajnah Syariah, Jawatankuasa Kerja (EXCO), Jawatankuasa Tarbiah, Jawatankuasa Tata Tertib dan lain-lain jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurnanya dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- (x) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
- (y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (z) mencadangkan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
 - (aa) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
 - (bb) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara; dan
 - (cc) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa.

- (3) Seseorang anggota Lembaga yang memegang suatu jawatan atau memiliki sesuatu harta atau kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Koperasi yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu kewajipan atau suatu kepentingan yang mungkin wujud, yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai anggota Lembaga Koperasi ini hendaklah mengisytiharkan di dalam mesyuarat Lembaga pertama yang diadakan selepas:
- (a) pelantikannya, atau
 - (b) dia memiliki harta atau perniagaan tersebut, mengenai hakikat jenis dan takat percanggahan yang mungkin berbangkit.

Liabiliti Anggota Lembaga

46. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

Tugas Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Naib Pengerusi

47. (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga;
 - (b) mengawasi segala wang, harta dan pemiagaan Koperasi dikendalikan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (c) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan;
 - (d) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi, menurut Peraturan, bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
 - (e) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga, bila perlu;
 - (f) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
 - (g) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga;
 - (h) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi; dan
 - (i) bertindak sebagai setiausaha Lajnah Syariah Koperasi.

- (1) (A) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.
- (2) Timbalan pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
 - (a) menjalankan tugas-tugas pengerusi seperti yang diperuntukan
- (3) Naib pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut :
 - (a) menjalankan tugas-tugas timbalan pengerusi seperti yang diperuntukan menurut fasal (2) semasa ketiadaannya;
 - (b) bertindak sebagai naib pengerusi jawatankuasa kerja (EXCO).

Tugas Setiausaha Dan Penolong Setiausaha

48. (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
 - (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
 - (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
 - (c) menyenggara dan mengemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
 - (d) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
 - (e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;
 - (f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi;
 - (g) menyempurnakan urusan pentadbiran, pengambilan dan tatatertib pegawai dan pekerja Koperasi;
 - (h) mengeluarkan pekeliling atau edaran dalaman kepada semua anggota Lembaga bagi perkara yang memerlukan keputusan segera; dan
 - (i) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
- (3) Penolong setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) membantu kerja-kerja setiausaha; dan
- (b) menjalankan tugas-tugas setiausaha seperti yang diperuntukan menurut fasal (1) semasa ketiadaannya.

Tugas Bendahari

49. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mengendalikan segala wang, harta dan perniagaan Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;
 - (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;
 - (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
 - (e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
 - (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
 - (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan; dan
 - (j) mengawasi kecekapan dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.
- (2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Jawatankuasa Audit Dalam

50. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi lima orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (h) undang-undang kecil 42.

Kelayakan Menjadi Jawatankuasa Audit Dalam

51. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalam atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalam jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini; atau
- (d) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini.

Tempoh Memegang Jawatan Jawatankuasa Audit Dalam

52. (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalam ini adalah satu tahun atau sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang, mana yang terdahulu. Perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Penamatan Jawatankuasa Audit Dalam

52A. Seseorang atau kesemua Jawatankuasa Audit Dalam boleh ditamatkan jawatannya oleh Lembaga jika dia —

- (a) gagal berfungsi menurut fasal (2) dan fasal (4) perenggan (b) dan (c) undang-undang kecil 53;
- (b) gagal memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan koperasi dan anggotanya terpelihara;
- (c) menggunakan maklumat Koperasi untuk kepentingan peribadi; atau
- (d) melakukan perkara yang memudaratkan kepentingan Koperasi.

Kuasa Dan Kewajipan Jawatankuasa Audit Dalam

53. (1) Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah mempunyai kuasa —

- (a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada;

- (b) memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan, bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, Peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain dan keputusan mesyuarat agung perwakilan serta mesyuarat Lembaga.
- (2) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) memastikan adanya kuasa dan kesalahan bagi segala perbelanjaan;
 - (b) memeriksa akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
 - (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta;
 - (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil; dan
 - (e) mengemukakan kepada Lembaga kepatuhan amalan dan operasi Koperasi selaras dengan ketetapan Syariah.
- (3) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar upah, tetapi amaun upah itu tidak boleh melebihi jumlah wang ditetapkan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- (4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah —
- (a) melantik di kalangan mereka seorang ketua;
 - (b) bersidang tidak kurang daripada empat kali setahun; dan
 - (c) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya empat kali setahun.

BAHAGIAN VI HARTA DAN WANG KOPERASI

Wang Dan Kumpulan Wang Koperasi

54. (1) Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi —
- (a) fi masuk, syer dan yuran anggota;
 - (b) simpanan khas daripada anggota;

- (c) pembiayaan Islam atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;
- (d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
- (e) Akaun Rizab Modal;
- (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
- (g) derma dan pemberian tertentu;
- (h) baki keuntungan terkumpul; dan
- (i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.

Modal Syer

55. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM 500.00 (Ringgit: lima ratus) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.
- (2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut:
- (a) seseorang yang diterima menjadi anggota menurut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

Yuran

- 55A (1) Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM 30.00 (Ringgit tiga puluh) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Yuran boleh dikeluarkan dengan syarat baki minimum yuran yang akan ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa kecuali bagi yang sedang menikmati kemudahan pembiayaan di mana jumlah minimum yang lebih tinggi akan dikenakan mengikut aturan.

Simpanan Khas, Deposit Atau Pembiayaan Islam

56. (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya —
- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
 - (b) deposit dan pembiayaan Islam.
- (2) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima deposit atau pembiayaan Islam daripada bukan anggota Koperasi.
- (3) Fasal (2) tidak terpakai kepada deposit atau pembiayaan Islam yang diberikan oleh kerajaan.
- (4) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Koperasi hendaklah —
- (a) memberitahu perwakilannya mengenai pembiayaan Islam daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
 - (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pindahan Syer

57. (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 55 kepada anggota lain dengan menandatangani borang pemindahan syer.
- (2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuat kuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.
- (3) Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Pemindahan tersebut hendaklah menurut fasal (1) undang-undang kecil 18.
- (4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

Penyelesaian Modal Syer

58. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 57, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasal (2).

- (2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.
- (3) Syer yang ditebus menurut fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

Keuntungan Modal

59. (1) Menurut subseksyen 55(1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal —
- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai harta tetap; dan
 - (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai harta tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.
- (2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:
- (a) penerbitan syer bonus;
 - (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
 - (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
 - (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.
- (3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut Peraturan berasaskan kepada —
- (a) jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota; atau
 - (b) penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus, dengan syarat:
 - (i) syer menurut perenggan (a) dan (b), dipegang dalam tempoh masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
 - (ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
 - (iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapuskan; dan
 - (iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

- (4) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menu rut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga —
 - (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
 - (b) dikeluarkan dalam hal anggota yang mati.
- (5) Pemindahan atau pengeluaran menurut fasal (4) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

60. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.
- (2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran.	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit.
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran.	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit.

- (3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.
- (4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota Koperasi berkenaan.

Simpanan Khas

61. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas daripada anggota tertakluk kepada terma dan syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9 dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pembiayaan Islam Luar Dan Deposit

62. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan Peraturan, Koperasi boleh menerima deposit atau meminjam

wang daripada anggotanya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, daripada bukan anggota Koperasi.

- (2) Peruntukan fasal (1) tidak terpakai kepada deposit atau pembiayaan Islam yang diberikan oleh kerajaan.
- (3) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Koperasi hendaklah —
 - (a) memberitahu perwakilannya mengenai deposit atau pembiayaan Islam, menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
 - (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pelaburan Wang

63. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.
- (2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Pemberian Pembiayaan Islam Oleh Koperasi

64. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada —
 - (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan;
 - (b) pkerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan mereka; atau
 - (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengagihan Untung Bersih Teraudit

65. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:
 - (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) undang-undang kecil 60 dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
 - (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1).

- (2) Selepas pengagihan dan pembayaran menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:
 - (a) pembayaran potongan langganan;
 - (b) pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
 - (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
 - (d) pemindahan kepada pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat.
- (3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.
- (4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskan sepenuhnya.
- (5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskan sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen Dan Potongan Langganan

66. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada di dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

- (2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal syer dan modal yuran anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.
- (3) Potongan langganan boleh diberi hanya jika langganan seseorang anggota tidak kurang daripada RM 3,000.00 (Ringgit: tiga ribu) dalam tahun kewangan yang berkenaan.

BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT

Tahun Kewangan

67. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

Penyenggaraan Akaun

68. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan —
- (a) harta tetap, pelaburan dan deposit;
 - (b) syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
 - (c) aktiviti yang dijalankan.
- (2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.
- (3) Penyediaan akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.
- (4) Akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.
- (5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan —
- (a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau

di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga, menurut subseksyen 58(4) Akta; dan
(b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

- (6) Rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.
- (7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.
- (8) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes tertentu memerintahkan supaya rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.
- (9) Suatu senarai terperinci butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

Resit Dan Baucar

69. (1) Resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pelantikan Dan Kewajipan Juruaudit

70. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit bagi mengaudit akaun Koperasi, menurut subseksyen 60(1) Akta.
- (2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinan surat cara pelantikan kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.
- (3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata

keuangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan Buku Dan Dokumen Untuk Diaudit

71. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Mengemukakan Penyata Kewangan Dan Laporan Kepada Perwakilan

72. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap perwakilan tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan —

- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VII PELBAGAI

Akaun bank

73. Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi atau setiausaha dan bendahari atau dua orang pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Koperasi

74. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.
- (2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangani dengan sahnya oleh

pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran Alamat Anggota

75. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan dokumen untuk diperiksa

76. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi —
- (a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
 - (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
 - (c) suatu senarai anggota;
 - (d) suatu senarai anggota Lembaga;
 - (e) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
 - (f) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.
- (2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan Tugas

77. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan Oleh Seseorang Yang Dilantik Mewakili Koperasi

78. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negeri, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.
- (2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh

Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Pelantikan Yang Dipertua

79. Lembaga boleh melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

Pertikaian

80. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.
- (2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujukkan pertikaiannya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.
- (3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan Kerahsiaan

81. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

Pembubaran

82. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, Peraturan Dan Undang-Undang Kecil

83. (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat menurut Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh


dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

- (2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Undang-Undang Kecil Hendaklah Mengikat Anggota

84. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung perwakilan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad pada Dua Puluh Sembilan dan Tiga Puluh haribulan Jun tahun Dua Ribu Lapan Belas.



(Ustaz Abdul Rahman bin Md Haasan)
Pengerusi



(Haji Mohamad Noor bin Mohamad)
Setiausaha



(Ustaz Dr Nurazmalkal bin Mami)
Timbalan Pengerusi